

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 27 Februari 2016 14:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Noor Hasmini Binti Abd Ghani
Subject: IPQ BERKONGSI PENGALAMAN AUDIT 5S MPC BERSAMA PBS



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



27 FEBRUARI 2016 / 17 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ BERKONGSI PENGALAMAN AUDIT 5S MPC BERSAMA PBS



IPQ ONLINE: Pada 24 Februari 2016, seramai dua puluh satu (21) orang staf dari Pusat Budaya dan Seni (PBS), Universiti Utara Malaysia yang diketuai oleh Pengarah PBS, En. Huzaidy Haji Hussain telah mengadakan lawatan 5S ke Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), UUM bagi berkongsi pengalaman IPQ berkenaan 5S mengikut kriteria Malaysia Productivity Corporation (MPC).

Majlis dimulakan dengan aluan oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah. Seterusnya tayangan Montaj 5S IPQ dan pembentangan ringkas berkaitan aktiviti 5S oleh Ketua Jawatankuasa Promosi, Puan Siti Khairunnisa Mohd Nor. Turut berkongsi pengalaman adalah daripada semua ketua zon dan ketua jawatankuasa 5S IPQ bagi membantu PBS menghadapi lawatan audit MPC yang dijangka pada bulan Oktober 2016.

Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti (BSKK), Dr. Noor Hasmini Abdul Ghani juga memaklumkan kepada warga PBS bahawa IPQ akan mengeluarkan Buku Panduan Kriteria Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S MPC Peringkat Universiti yang akan digunapakai oleh UUM semasa Penilaian Audit Dalaman Universiti pada 17-31 Mei 2016.

Setelah selesai taklimat, warga PBS meneruskan sesi lawatan ke sekitar pejabat IPQ bagi melihat persekitaran dan inovasi yang dilaksanakan.

Pengarah IPQ berharap lawatan ini dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala antara PBS dan IPQ. Majlis diakhiri dengan sesi lawatan persekitaran di dua bahagian IPQ itu Bahagian Pentadbiran dan Daya Saing (BPDS) dan Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti (BSKK).

HABIS

=====

DARIPADA:
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN

FOCUS.ACCURATE.SHARP.TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS

TEL. : 04 - 928 4651/55
FAKS : 04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>

